

Wanita Umno Minta Waktu Kerja Anjal Dilaksanakan Segera
Bernama
02 Disember, 2011

KUALA LUMPUR, 2 Dis (Bernama) -- Wanita Umno meminta kerajaan mengkaji semula Akta Pekerja 1955 bagi membolehkan waktu kerja anjal dilaksanakan secara menyeluruh di negara ini.

Wakil pergerakan itu Normala Abdul Samad berkata ini kerana waktu kerja anjal adalah antara cara paling sesuai untuk menggalakkan lebih ramai wanita bekerja dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

"Penyertaan wanita dalam aktiviti ekonomi bukan lagi satu pilihan atau retorik politik, tetapi lebih merupakan prasyarat bagi pembangunan ekonomi mampan.

"Tiada majikan yang akan menafikan komitmen dan kesungguhan tenaga kerja wanita, malahan mereka diiktiraf sebagai kelompok paling produktif, tekun dan fokus," katanya ketika membahaskan usul ekonomi pada Perhimpunan Agung Umno 2011, di sini Jumaat.

Normala berkata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak semasa menjawat Timbalan Perdana Menteri, pernah berkata di Persidangan Kemuncak Wanita 2008 bahawa waktu kerja anjal adalah antara kaedah paling sesuai untuk menggalakkan wanita bekerja.

"Selama tiga tahun kita tidak lihat sebarang usaha untuk mengkaji Akta Pekerja 1955 berkaitan hal itu," kata Ketua Wanita Umno Bahagian Pasir Gudang itu.

--BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=631473>